

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah menambah baik aspek teknologi digital kesihatan awam serta kesepaduan data raya bagi menyediakan sistem kesihatan awam yang lebih meluas dan berdaya tahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam konteks menambah baik aspek teknologi digital kesihatan awam, KKM akan memperluas sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) iaitu *Teleprimary Care - Oral Health Clinical Information System (TPC-OHCIS)* melalui pelaksanaan Projek EMR di Negeri Sembilan seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2021-2025. Peluasan dan peningkatan Sistem TPC-OHCIS di semua Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian di Negeri Sembilan merupakan antara komponen dalam model *backbone* penyampaian perkhidmatan kesihatan secara bersepadu. Bagi meningkatkan kualiti capaian kepada perkhidmatan kesihatan awam, klinik maya (*virtual clinic*) di klinik-klinik kesihatan dan pergigian akan diperluaskan secara berperingkat. Pembangunan dan peningkatan pelbagai aplikasi digital dalam kesihatan awam turut diperluas dan ditambah baik dari semasa ke semasa.

2. Bagi pengumpulan data secara integrasi, komprehensif dan dibangunkan berasaskan teknologi analitis data raya, aspek kesepaduan

data raya dilaksanakan melalui sistem Aplikasi *Malaysian Health Datawarehouse* (MyHDW) yang bertindak sebagai “Gudang Data Kesihatan”. Data ini merangkumi pelbagai sumber meliputi semua hospital dan klinik kesihatan sektor awam dan swasta. Turut dikumpul ialah maklumat yang diperolehi daripada agensi luar seperti maklumat sosiodemografi, geospasial dan keadaan alam sekitar yang dianalisis bersama bagi membolehkan maklumat kesihatan dijana secara bertepatan masa (*timely*) bagi menyokong perancangan dan keputusan yang berasaskan bukti (*evidence-based decision-making*). Dalam mengatasi pandemik COVID-19, komponen *Geographical Information System* (GIS) MyHDW digunakan untuk mengenal pasti koordinat kes dan kluster, seterusnya menilai status risiko penularan di sesuatu kawasan. Maklumat ini dapat membantu kerajaan dalam memantau status fasa PPN dan melaksanakan intervensi kesihatan awam yang bersesuaian.

3. Bagi menyediakan sistem kesihatan awam yang lebih meluas dan berdaya tahan, MyHDW sentiasa melakukan penambahbaikan berdasarkan Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2021-2025 seperti berikut:

- (i) Mengukuhkan tadbir urus data terbuka KKM melalui pembentukan Jawatankuasa Data Terbuka KKM;
- (ii) Menyediakan ekosistem analitik data raya kesihatan (*big data analytics*) melalui pewujudan *Platform Big Data Analytics KKM*;
- (iii) Membangunkan piawaian data kesihatan dan memastikan pematuhan piawaian dan integriti data melalui *Malaysian Health Data Dictionary* (MyHDD); dan
- (iv) Ratifikasi MyHDD dan standard informatik kesihatan yang berkaitan melalui jawatankuasa sedia ada.

Sekian, terima kasih.